

Analisis kesalahan kata dan frasa yang terdapat dalam poster di bawah ini. Kemudian, betulkan ketika tersebut.

## Tip & Nasihat

### Persediaan Sebelum Banjir

- 1 Selenggara parit / longkang / saliran air supaya tidak tersumbat.
- 2 Simpan nombor-nombor perhubungan penting seperti nombor ahli keluarga, jiran, balai polis, dan bomba untuk kegunaan semasa kecemasan.
- 3 Peka pada keadaan sekeliling, bunyi / isyarat-isyarat amaran, serta kenalpasti laluan tinggi dan selamat untuk ke pusat pemindahan.
- 4 Bersiap sedia untuk berpindah sekiranya pihak berkuasa arahkan.
- 5 Dapatkan maklumat terkini cuaca dan situasi banjir melalui saluran radio, televisyen, dan Internet.
- 6 Simpan semua dokumen penting di dalam bekas / beg / fail di tempat yang tinggi dan mudah diambil sekiranya perlu berpindah ke pusat pemindahan.
- 7 Sediakan barang keperluan asas yang paling penting seperti susu anak, ubat-ubatan, lampu suluh, beg pakalan, dan peralatan lain sebelum diarahkan untuk berpindah.
- 8 Simpan barang berharga di tempat tinggi yang tidak ditenggelami air sekiranya berlaku banjir.
- 9 Simpan air bersih di dalam botol untuk kegunaan memasak dan sebagai air minuman.
- 10 Simpan / ikat dengan ketat barang-barang yang diletakkan di luar rumah seperti perabut taman, basikal, tong sampah, dan sebagainya untuk mengelakkan dihanyutkan banjir.

## Langkah-Langkah yang patut diambil selepas BANJIR

- Bersihkan kawasan dalam dan sekitar rumah anda:
  - Semasa kerja kerja pembersihan, pakai alat pelindung diri seperti botol getah dan sarung tangan.
  - Selepas kerja kerja pembersihan, bersihkan diri dengan sempurna.
- Bersihkan semua peralatan rumah dan pakalan yang dicemari air banjir dengan segera bersih dan bahan pencuci.
- Lupuskan sampah dan bangkai binatang dengan cara yang betul.
- Hapuskan lipas, lalat, tikus, dan nyamuk.
- Dapatkan rawatan dengan segera jika sekiranya anda mengalami demam, batuk-batuk, muntah, dan lain-lain.



### Kesalahan Kata dan Frasa

### Pembetulan

1. peka pada keadaan	peka akan keadaan
2. kenalpasti	kenal pasti
3. untuk ke	ke
4. Pihak berkuasa arahkan	diarahkan oleh pihak berkuasa
5. terkini cuaca	terkini tentang cuaca
6. perabut	perabot
7. mengelakkan dihanyutkan	mengelakkan daripada dihanyutkan
8. dalam	di dalam
9. semua peralatan	peralatan
10. jika sekiranya	jika / sekiranya